



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT PERUNTUK RM183 JUTA PERKASA KESEJAHTERAAN RAKYAT PAHANG

KUANTAN, 10 FEBRUARI 2026 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) meneruskan siri jelajah **Sentuhan Kasih KPKT Tahun 2026 ke Kuantan, Pahang** hari ini dengan meninjau lapan (8) projek utama di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Lawatan ini merupakan sebahagian daripada usaha KPKT dalam merealisasikan agenda pembangunan yang inklusif dan mampan di bawah kepimpinan Kerajaan MADANI.

Kerajaan MADANI telah meluluskan peruntukan berjumlah **RM179,625,462.00** melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) Rolling Plan 1 (RP1) Tahun 2026 bagi pelaksanaan projek-projek kesejahteraan rakyat di negeri Pahang. **Sejumlah 42 buah projek** yang direncanakan oleh KPKT ini bakal memberikan manfaat kepada 2.57 juta rakyat Pahang secara keseluruhannya.

Peruntukan yang diluluskan ini dilaksanakan sepanjang tahun 2026 dengan pengawasan Jabatan dan Agensi di bawah KPKT. Ia merangkumi pelbagai inisiatif kesejahteraan bandar untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur serta kerja baik pulih di seluruh Negeri Pahang seperti berikut :

- a) **RM46.7 juta (RM46,666,000.00)**
Melibatkan pelaksanaan program **Rumah Mesra Rakyat (RMR)** di bawah seliaan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB);
- b) **RM37 juta (RM37,000,000.00)**
Pelaksanaan projek pembangunan di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pahang iaitu **pembinaan Terminal Bas Temerloh Sentral di Temerloh** dan **pembangunan Pekan Sentral, Pekan, Pahang**;
- c) **RM32 juta (RM31,977,700)**
Peruntukan kepada **Bahagian Kemampanan Bandar** untuk pelaksanaan program dan projek perumahan.
- d) **RM21.1 juta (RM21,110,000.00)**
Peruntukan ke atas **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan JBPM di daerah Kuantan, Bera, Lipis, Rompin dan Bentong;

- e) **RM19 juta (RM19,000,000.00)**
Melibatkan kerja-kerja perolehan tanah, naik taraf tapak pelupusan sisa pepejal, pembinaan sel tambahan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari, WTE dan insinerator di bawah **Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)**;
- f) **RM2.3 juta (RM2,300,000.00)**
Diperuntukkan di bawah seliaan Jabatan Kerajaan Tempatan bagi Inisiatif Belanjawan 2026 – Negeri Pahang;
- g) **RM4.7 juta (RM4,748,000.00)**
Peruntukan kepada Jabatan Perumahan Negara (JPN) melibatkan kerja-kerja selenggara, antaranya adalah:
- i. Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) Negeri Pahang RMK-12 RP5;
 - ii. Program Penyelenggaraan Rumah (PPP) Negeri Pahang RMK13; dan
 - iii. Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) Negeri Pahang RMK13.
- h) **RM4 juta (RM4,000,000.00)**
Peruntukan kepada **Bahagian Kampung Baru** untuk projek-projek pembangunan Kampung Baru di negeri Pahang;
- i) **RM2.3 juta (RM2,300,000.00)**
Peruntukan untuk kerja-kerja pembangunan landskap perbandaran Kuantan dan Pekan, kajian pelan induk landskap daerah Rompin serta naik taraf Taman Awam negeri Pahang di bawah seliaan **Jabatan Landskap Negara (JLN)**;
- j) **RM2.2 juta (RM2,220,000.00)**
Peruntukan kepada **Bahagian Kesejahteraan Komuniti** untuk pelaksanaan Program Baik Pulih Rumah di Bandar dan Program Bina Baharu Rumah di Bandar negeri Pahang;
- k) **RM2 juta (RM2,000,000.00)**
Melibatkan kajian komprehensif di daerah Jerantut dan kajian semula rancangan struktur negeri Pahang di bawah **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)**;
- l) **RM1.55 juta (RM1,553,762)**
Penyelenggaraan 15 buah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di seluruh negeri Pahang;
- m) **RM850 ribu (RM850,000.00)**
Projek-projek pengukuhan cerun dan naik taraf sistem retikulasi dan perpaipan air di I-KPKT

YB Nga turut mengumumkan **peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta** bagi projek membina semula **Medan Selera Cenderawasih di Indera Mahkota** serta **RM1 juta** lagi untuk pembinaan **Dewan Serbaguna Balok di DUN Beserah**. KPKT juga berharap pihak Pejabat Setiausaha Politik YAB Perdana Menteri dapat turut menyumbang **RM1 juta** bagi menjayakan projek dewan tersebut. Penambahan ini secara rasminya menjadikan jumlah **keseluruhan peruntukan KPKT bagi negeri Pahang pada tahun 2026 meningkat kepada RM183 juta**. Langkah ini mencerminkan komitmen jitu Kerajaan MADANI dalam memperkasakan infrastruktur sosioekonomi demi kesejahteraan rakyat secara holistik.

Jelajah Sentuhan Kasih Pahang dimulakan dengan siri jelajah tinjauan oleh YB Nga Kor Ming ke beberapa lokasi pembangunan komuniti di sekitar Kuantan. Siri lawatan ini dimulakan di **Taman Rekreasi MADANI Taman Pandan Damai** dan diikuti dengan tinjauan ke **Projek Naiktaraf Gerai Taman Tas** bagi memastikan kemudahan penjaja berada dalam keadaan terbaik. Keprihatinan KPKT terhadap kebajikan penduduk bandar turut dizahirkan melalui lawatan ke **dua (2) buah rumah penerima bantuan di bawah Program Baik Pulih Rumah Di Bandar** yang terletak di Lorong Permatang Chengal dan Tanah Putih. Seterusnya YB Nga dan pasukan KPKT meninjau fasiliti di **Anjung Selera Taman Cenderawasih**.

YB Nga turut menyempurnakan **Majlis Penyerahan Peruntukan Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) kepada 15 buah rumah ibadat**. Semasa lawatan ke **Rumah Pangsa Alor Akar**, YB Nga turut **menyampaikan mock cheque** bagi keseluruhan peruntukan KPKT untuk Negeri Pahang sebagai simbolik komitmen berterusan Kementerian dalam memperkasakan infrastruktur awam. Siri jelajah ini diakhiri dengan lawatan ke projek kemudahan awam di **Pantai Batu Hitam** serta **penyerahan kunci dan Surat Tawaran Rumah Mesra Rakyat (RMR) SPNB** kepada 13 penerima di Kampung Chengal Lempong.

Menurut YB Nga, “Kejayaan pelaksanaan projek-projek ini adalah hasil kerjasama strategik antara KPKT, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri Pahang. Sinergi yang erat ini memastikan setiap projek diselia dengan baik serta memberi manfaat optimum kepada rakyat”.

Beliau turut menegaskan bahawa semua inisiatif ini selaras dengan **visi KPKT untuk memperkukuh kesejahteraan dan kemakmuran komuniti di seluruh negara**, termasuk di Pahang.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

